



Jabatan Pertanian dan Agrimakanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Brunei Darussalam

## KANDUNGAN

1. Pengenalan Brunei GAP
2. Pengertian GAP
3. Tujuan Utama Brunei GAP
4. Buku Terbitan GAP
5. Carta Aliran
6. Tempat Permohonan Brunei GAP
7. Poster-Poster dan Risalah Brunei GAP
8. Hasrat Jabatan

## PENGENALAN BRUNEI GAP

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengorak langkah untuk mengenalkan satu piawaian nasional yang diperakui dan sistematik bagi tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Piawaian nasional ini dibentuk untuk meningkatkan potensi ladang tempatan dalam penyediaan produk sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan untuk berdaya saing dengan pasaran di rantau Asia Tenggara dan juga pasaran antarabangsa.

Piawaian tersebut dinamakan BRUNEI GAP yang dibentuk berdasarkan ASEAN GAP dengan penumpuan diberikan kepada Modul Keselamatan Makanan (Food Safety) dan Kualiti Produk (Product Quality). Piawaian ini memastikan supaya hasil sayur-sayuran memenuhi kesemua kriteria dan selamat untuk dimakan oleh pengguna di negara ini dan juga lulus untuk perdagangan serantau.

## PENGERTIAN GAP

GOOD AGRICULTURAL PRACTICE atau singkatannya GAP adalah teknik atau sistem penanaman yang bersepadu dimana pelbagai teknik bertanam disatukan untuk meningkatkan produktiviti ladang dengan memfokus kepada penghasilan produk yang berkualiti dan selamat. GAP juga mementingkan kepada sistem perladangan yang sistematik, teratur dan terutama sekali mempunyai catitan aktiviti atau 'farm records' untuk 'traceability' atau pengesanan jika timbulnya masalah yang berkaitan dengan produk yang telah dihasilkan oleh sesebuah ladang.

Maksud selamat dalam konteks GAP adalah produk ladang yang dihasilkan adalah selamat daripada pencemaran bakteria seperti *E.Coli* ataupun selamat daripada sisabaki racun kimia pertanian yang berlebihan.

## TUJUAN UTAMA BRUNEI GAP





Untuk memperkenalkan amalan pengurusan perladangan yang bersistematik dan teratur untuk meningkatkan tahap keselamatan dalam jaminan makanan negara (national food security). Ianya menekankan kepada peningkatan kualiti dari segi penghasilan dan pemprosesan produk; keselamatan produk dari pencemaran kuman, logam berat dan sisa baki racun yang berlebihan; kesejahteraan pekerja dan keselamatan alam sekitar.

Dengan adanya sistem pengiktirafan ini, kualiti dan keselamatan produk tempatan adalah setaraf dengan produk-produk luar negara dan ini akan memberikan tarikan dan keyakinan kepada pihak konsumer dalam pemasaran hasil pertanian sama ada pasaran domestik atau penerokaan pasaran eksport.

## BUKU TERBITAN BRUNEI GAP

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menerbitkan buku-buku yang telah diadaptasi daripada modul-modul ASEAN GAP yang diterjemah dan diubahsuai mengikut kesesuaian negara ini, dan diterbitkan khas untuk kegunaan peladang tempatan dalam mencapai pengiktirafan BRUNEI GAP.

BRUNEI GAP hanya menumpukan kepada Modul Keselamatan Makanan dan Kualiti Produk sahaja dan akan melaksanakan Modul Kesihatan, Keselamatan dan Kebajikan Pekerja dan Modul Pengurusan Alam Sekitar selepas 2015.



## CARTA ALIRAN PROSES PENGIKTIRAFAN

Setiap ladang yang memohon pengiktirafan BRUNEI GAP perlu mengikuti proses-proses tertentu seperti yang tertera.

Proses ini tertakluk kepada keupayaan ladang untuk memenuhi kriteria pengiktirafan.

•Pengusaha/peladang memohon kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengikuti program pengiktirafan Brunei GAP

•Tenaga pengajar Brunei GAP membantu pihak pengusaha/peladang dalam meningkatkan atau mengubah suai prosedur bagi memenuhi keperluan setiap modul yang berkenaan

•Setelah penilaian mendapati bahawa pengusaha/peladang telah memenuhi syarat, pengusaha/peladang boleh memohon kepada Urusetia Brunei GAP untuk dijalankan pengauditan ladang

•Pengauditan ladang dijadualkan oleh Urusetia Brunei GAP dan dijalankan oleh Juruaudit Ladang

•Audit dijalankan dan hasil audit dilaporkan

•Audit dijalankan semula untuk memastikan pembetulan dilakukan oleh pihak pengusaha/peladang

•Pengiktirafan boleh dicapai bagi satu atau lebih dari satu modul tertakluk kepada skop pengauditan

•Pengiktirafan diberikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengikut tempoh yang dipersetujui oleh Komiti Pengurusan Brunei GAP



## TEMPAT PERMOHONAN BRUNEI GAP

- Peladang memohon dengan mengisi borang permohonan Brunei GAP dan dihantar kepada ofis urusetia Brunei GAP :-
  - Unit Industri Sayur-Sayuran dan Teknologi Tinggi, Agroteknologi Park, Tungku
  - Unit Industri Buah-Buahan dan Kemajuan Pertanian Luar Bandar, Stesen Penyelidikan Buah-Buahan Birau,
  - Unit Perlindungan Tanaman Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC), Kilanas



# POSTER-POSTER DAN RISALAH BRUNEI GAP

**BRUNEI GAP**

SKIM AKREDITASI LADANG HORTIKULTUR

Good Agricultural Practice / Amalan perladangan baik

Mengamalkan penggunaan borang rekod  
Mengikuti latihan bagi majikan dan pekerja mengenai penggunaan racun kimia pertanian dan baja yang selamat dan teratur

Memohon ke Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk pengauditan ladang

Memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan didalam modul-modul Amalan Perladangan Baik (GAP)

Mengamalkan amalan berladang yang bersewaib, mematu kepada alam sekitar, mengimig keberkesanan ladang, memupuk fasliti kebersihan yang memada, mengurangkan risiko pencemaran kepada produk hasil dan juga menghidari sebarang racun yang berteloh pada produk hasil

**PENGUNAAN RAGUN PEROSAK TANAMAN SECARA SELAMAT DAN BERKESAN**

**PENGUNAAN RAGUN PEROSAK TANAMAN SECARA SELAMAT DAN BERKESAN**

**NOTICE**

- 1. Baca label dengan teliti dan perhatikan arahan yang tertera.
- 2. Gunakan alat perlindungan diri yang betul.
- 3. Perhatikan tarikh luput dan simpan dengan selamat.
- 4. Perhatikan suhu, kelembapan dan angin.
- 5. Perhatikan keadaan cuaca.
- 6. Perhatikan keadaan tanah.
- 7. Perhatikan keadaan tanaman.
- 8. Perhatikan keadaan pekerja.
- 9. Perhatikan keadaan persekitaran.

**No smoking**  
**No eating**  
**No drinking**

**KERTAS FAKTA**  
JKKP/012013

**BRUNEI GAP**  
Amalan Perladangan Baik

Apakah yang dimaksudkan dengan Amalan Perladangan Baik (GAP)?

Sistem perladangan yang mengandungi pelbagai teknik, dimana kemua teknik tersebut boleh digunakan untuk membantu peladang dalam menghasilkan produk yang lebih selamat daripada pencemaran kuman dan serabai racun kimia, menjamin kualiti produk dan menaikkan produk yang dihasilkan GAP memfokus kepada penggunaan rekod ladang yang boleh meningkatkan sistem perladangan yang sedia ada. Jenis rekod-rekod pengurusan ladang adalah seperti:

- Rekod pembelian biji benih, baja, racun, mesin, alat perkakas ladang
- Rekod pembajaan
- Rekod pengiraan racun
- Rekod latihan pekerja
- Rekod tuai
- Rekod penanaman seperti tarikh menanam, memindah dan sebagainya.

Selain memertingkatkan keselamatan makanan dan kualiti produk, GAP juga memertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan keselamatan alam sekitar.

Proses Skim Akreditasi Ladang Hortikultur :

1. Pengusaha / peladang memohon kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengikuti program pengiraan dan Akreditasi Ladang Hortikultur
2. Tenaga pengajar Skim Akreditasi Ladang Hortikultur membantu pihak pengusaha / peladang dalam meningkatkan atau mengubah suai prosedur pengurusan ladang bagi memenuhi keperluan setiap modul yang berkaitan
3. Setelah penilaian mendapati bahawa pengusaha / peladang telah memenuhi syarat, pengusaha / peladang boleh memohon kepada Komiti Pengurusan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur untuk ditanamkan pengiraan ladang.
4. Pengiraan ladang dijalankan oleh Komiti Pengurusan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur dan dijalankan oleh Jurusiti Ladang.
5. Audit dijalankan dan hasil audit dilaporkan
  - a. Pengiraan boleh dicapai bagi satu atau lebih dari satu modul terlekat kepada slip pengiraan
  - b. Audit akan dijalankan semula untuk memastikan pembetulan dilakukan oleh pihak pengusaha / peladang bagi ladang yang tidak memenuhi kriteria pengiraan.
6. Pengiraan pengusaha / peladang dijalankan secara minima sekurang-kurangnya satu kali audit dalam masa satu tahun.

Halalaju dan sokongan

- Papan memainkan peranan sangat penting dalam memajukan pertanian dan stabiliti penghasilan sayur-sayuran.
- Perundangan juga memainkan peranan bagi mencapai objektif program Brunei GAP.
- Keljasama diantara agensi kerajaan dan swasta adalah sangat penting dalam mengawal dan mengatuk kemajuan Brunei GAP.

*Note*  
\*Proses peningkatan dan mengubahsuai prosedur pengurusan ladang akan memakan masa 1 ke 2 tahun mengikut keupayaan ladang atau syarikat.

BRUNEI DARUSSALAM  
BRUNEI GAP PROGRESS  
UPDATE EWG GAP 2017

## Awareness BRUNEI GAP roadshows to secondary school students in 2016



**Sekolah Menengah Pengiran Isteri  
Hajah Mariam, Serasa**

## Awareness BRUNEI GAP roadshows to secondary school students in 2016



Sekolah Menengah  
Sayyidina Husain, Jerudong

## Awareness BRUNEI GAP roadshows to secondary school students in 2016



**Sekolah Menengah Pengiran  
Anak Puteri Hajah Masna,  
Sg Akar**

## Awareness BRUNEI GAP roadshows to secondary school students in 2016




**Sekolah Menengah Pehin Dato  
Seri Maharaja, Mentiri**

# Pesticide and fertilizer training programmes to farms applying for BRUNEI GAP certification



# Certified farms in 2016





# Initial assessment of farms applying for BRUNEI GAP certification

